



KENYATAAN MEDIA

DUA PENGARAH SYARIKAT SWASTA YANG DITAHAN SPRM BUAT TUNTUTAN PALSU PSU HAMPIR SETENGAH JUTA RINGGIT

KUALA LUMPUR – Penahanan dua pengarah syarikat swasta oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada petang Isnin adalah hasil kerjasama di antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan SPRM Johor ekoran siasatan awal yang dijalankan oleh pihak PERKESO.

Individu dari dua syarikat di **Segamat**, Johor itu disyaki telah mengemukakan dokumen palsu bagi permohonan **Program Subsidi Upah PERKESO (PSU)** di bawah Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Menurut Kenyataan Media yang dikeluarkan SPRM pada Isnin, 15 Februari 2021, kedua-dua suspek itu ditahan di pejabat SPRM Johor bagi membantu siasatan tuntutan palsu PSU.

Seorang Pengarah syarikat **wanita, 39 tahun**, membuat tuntutan PSU untuk **52 pekerja** yang melibatkan bayaran subsidi upah sebanyak **RM282,600.00**. Sementara seorang lagi, **lelaki berusia 64 tahun**, menuntut bayaran PSU untuk **38 pekerja**, melibatkan pembayaran sebanyak **RM195,600.00**. Bayaran telah dibuat PERKESO bermula bulan **Mei 2020 sehingga Oktober 2020**.

Dua kes ini adalah antara tiga aduan yang dirujuk kepada SPRM untuk tindakan lanjut. Memandangkan siasatan masih dijalankan oleh pihak SPRM terhadap individu-individu terbabit, sebarang kenyataan lanjut hanya akan dimaklumkan setelah siasatan selesai.

Sehingga kini, PERKESO telah menerima **348 aduan** berkaitan penyalahgunaan PSU dan penipuan dalam pembayaran bantuan subsidi upah di bawah Pakej PENJANA. Daripada jumlah tersebut, **269 aduan** telah diselesaikan dengan **3 aduan** dirujuk kepada pihak SPRM manakala **79 kes** lagi masih dalam siasatan.

PSU merupakan bantuan kewangan Kerajaan kepada majikan-majikan yang terjejas dari segi ekonomi akibat pandemik COVID-19. Setakat ini, PERKESO telah membuat pembayaran berjumlah RM13.5 bilion kepada majikan-majikan yang layak menerima bantuan tersebut.

PERKESO komited dalam memastikan agar bantuan kewangan yang diberikan Kerajaan disalurkan dengan betul mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. PERKESO juga sentiasa membuat pemantauan terhadap permohonan yang dikemukakan oleh majikan dan tidak teragak untuk melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat unsur-unsur penipuan atau penyalahgunaan bantuan tersebut.

PERKESO sekali lagi ingin mengingatkan para majikan supaya bersikap jujur dalam mengemukakan permohonan PSU. Mana-mana majikan yang telah menyalahgunakan subsidi ini diminta untuk tampil berhubung dengan pihak PERKESO.

Majikan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, diminta untuk memulangkan bayaran PSU yang diterima. Majikan boleh membuat bayaran balik ke akaun **MAYBANK** bernombor **564427515459 (PERKESO SIP-Bayaran)** dengan rujukan **“Bayaran balik PSU”**. Majikan perlu mengisi borang persetujuan bayaran balik bantuan PSU/ERP dan mengemukakannya kepada PERKESO berserta bukti bayaran balik melalui e-mel sip.payment@perkeso.gov.my .

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
KETUA EKSEKUTIF
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
16 FEBRUARI 2021

DISCLAIMER

PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.